PENGENALAN TENTANG



# DAWATE ISLAMI

Keep watching
Madani Channel

مكتبة المدينه
Dawat-e-Islami

دَعوَتِ اِسلامِی کا تَعارُف

Dawat-e-Islami kā Ta'āruf

# PENGENALAN TENTANG DAWATE ISLAMI

Risalah kecil ini mula-mula dipersembahkan oleh Majlis Al-Madinatul Ilmia ke dalam Bahasa Urdu. Jabatan Penterjemahan (Dawate Islami) telah menterjemahkannya ke dalam Bahasa Melayu. Jika terdapat sebarang kesilapan di dalam penterjemahannya ataupun dari segi karyanya, sila hubungi Majlis Penterjemahan supaya beroleh pahala.

**Translation Department (Dawat-e-Islami)**

Aalami Madani Markaz, Faizan-e-Madinah, Mahallah Saudagran, Purani Sabzi Mandi, Bab-ul-Madinah, Karachi, Pakistan

**UAN:** ☎ +92-21-111-25-26-92 – Ext. 1262

**Email:** 🖃 translation@dawateislami.net

**Web:** 💻 www.dawateislami.net

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰلَمِيْنَ وَ الصَّلٰوةُ وَ السَّلَامُ عَلٰى خَاتَمِ النَّبِيّٖنَ

اَمَّا بَعْدُ فَاَعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطٰنِ الرَّجِيْمِ بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

# Doa Sebelum Membaca Kitab

Bacalah Doa ini sebelum anda membaca Kitab agama atau pengajaran Islam, اِنْ شَآءَ اللّٰه عَزَّوَجَلَّ dengan izinNya anda akan ingat apa yang dipelajari

اَللّٰهُمَّ افْتَحْ عَلَيْنَا حِكْمَتَكَ وَانْشُرْ

عَلَيْنَا رَحْمَتَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَام

## Terjemahan

Ya Allah عَزَّوَجَلَّ! Bukakanlah pintu pengetahuan dan kebijaksanaan bagi kami, dan berilah rahmat kepada kami Wahai yang Maha Mulia!

*(Al-Mustaraf, juz. 1, m.s. 40)*

**Nota:** Bacalah Selawat keatas Nabi صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّم sekali sebelum dan selepas doa.



www.dawateislami.net

# Isi Kandungan

PENGENALAN TENTANG DAWATE ISLAMI ........................................ 1
Kelebihan Berselawat keatas Nabi ............................................... 1
Pengenalan Dawate Islami........................................................ 2
Setiap umat Islam adalah pendakwah ......................................... 3
Penubuhan Dawate Islami......................................................... 3
Mesej Dawate Islami telah tersebar di 195 buah negara........... 6
Berdakwah kepada golongan bukan islam ................................. 7
Orang Bukan Islam memeluk Islam............................................ 7
Madani Qafilah .......................................................................... 8
Wajah bercahaya membawa kepada pemelukan Islam ............. 9
Madrasah Madani .................................................................... 10
Pembinaan Masajid ................................................................. 11
Imam Masjid ............................................................................ 12
Saudara Istimewa .................................................................... 12
Non Muslim memeluk Islam .................................................... 13
Dakwah di Penjara.................................................................... 14
Jemaah I'tikaf............................................................................ 18
Perubahan Madani di kalangan putri Islam.............................. 20
Sekilas aktiviti Madani bulanan muslimat. ............................... 21
Lihat bagaimana persekitaran Madani membangkitkan Rohani! ........................................................................................ 22
Risalah Amal Soleh ................................................................... 24

Madani Muzakarah ....................................................................26
Rawatan Rohani dan Solat Istikharah..........................................27
Barah Otak..........................................................................................28
Jabatan Haji & Umrah......................................................................29
Institusi Pendidikan Islam...............................................................30
Jamiatul Madinah ...............................................................................31
Madrasatul Madinah .........................................................................31
Madrasatul Madinah (bagi orang dewasa).................................32
Klinik.....................................................................................................32
Takhassus Fil Fiqh .............................................................................32
Majlis Tahqiqat Shariah....................................................................33
Darul Ifta Ahli Sunnah.....................................................................34
Darul Ifta Ahli Sunnah Online.......................................................34
Maktabatul Madinah........................................................................34
Al-Madinatul 'Ilmiyyah ...................................................................35
Majlis Taftish Kutub Rasail .............................................................36
Kursus Madani.....................................................................................37
Menghadiahkan Pahala Kepada Para Arwah.............................37
Gerai Maktabatul Madinah ..............................................................38
Majlis Tarajim ......................................................................................38
Ijtima' di luar Negara .........................................................................39
Tarbiyyati Ijtima'at ............................................................................39
Sakuran Media TV Madani Channel ............................................40



www.dawateislami.net

1. Seseorang pemuda bukan Islam telah memeluk Islam.........43
2. Sekarang aku berasa malu menonton saluran maksiat ........44
3. Pub ditutup.........................................................................46
Madrasatul Madinah Online........................................................46
Darul Madinah.......................................................................47
8 Mutiara Madani Dawate Islami................................................47
Sekilas pandang 95 jabatan Dawate Islami.................................58
Jabatan Muslimat.....................................................................63



www.dawateislami.net

اَلۡحَمۡدُ لِلّٰہِ رَبِّ الۡعٰلَمِیۡنَ ؕ وَ الصَّلٰوۃُ وَ السَّلَامُ عَلٰی خَاتَمِ النَّبِیّٖنَ ؕ
اَمَّا بَعۡدُ فَاَعُوۡذُ بِاللّٰہِ مِنَ الشَّیۡطٰنِ الرَّجِیۡمِ ؕ بِسۡمِ اللّٰہِ الرَّحۡمٰنِ الرَّحِیۡمِ ؕ

## Pengenalan Tentang

# DawatE Islami

Bacalah buku ini dari awal hingga akhir, walaupun syaitan akan sentiasa membuatmu merasa malas untuk membacanya. Kamu akan merasai perubahan yang positif dalam dirimu.

### Kelebihan Berselawat keatas Nabi

"Jibril memberitahuku bahawa Allah berfirman: 'Wahai Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَاٰلِهٖ وَسَلَّم! Adakah kamu tidak tahu bahawa apabila umatmu mengirimkan satu selawat kepadamu, Aku akan mengirimkan sepuluh rahmat kepadanya? Dan apabila umatmu mengirimkan satu salam kepadamu, Aku akan mengirimkan sepuluh salam kepadanya.' *(Mishkāt-ul-Maṣābīḥ, vol. 1, pp. 189, Ḥadīš 928)*

صَلُّوْا عَلَى الْحَبِيْب　　　صَلَّى اللهُ عَلٰى مُحَمَّد



www.dawateislami.net

## Pengenalan Dawate Islami

Allah telah berfirman di dalam Surah Ali Imran, juzu'4 Ayat 401:

وَلْتَكُنْ مِّنْكُمْ اُمَّةٌ يَّدْعُوْنَ اِلَى الْخَيْرِ وَيَاْمُرُوْنَ بِالْمَعْرُوْفِ

وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ؕ وَاُولٰٓىِٕكَ هُمُ الْمُفْلِحُوْنَ ﴿۱۰۴﴾

**“Dan hendaklah ada apa-apa kumpulan di antara kamu yang mereka boleh mengajak ke arah yang baik dan perintah yang yang mulia dan melarang kejahatan. dan mereka adalah orangorang yang telah mencapai matlamat mereka”.**

Mengulas tentang ayat tersebut, seorang pentafsir al-Quran yang mashyur, Mufti Ahmad Yar Khan رَحْمَةُ اللّٰهِ عَلَيْه telah menyatakan di dalam Tafsir Na’imi, jilid 4, halaman 72, ‘Wahai umat Islam! Perlu ada satu pergerakan di antara kamu, atau kamu perlu memulakan satu pergerakan secara tetap yang menyeru setiap orang yang beriman ke arah kebenaran, orang kafir terhadap Agama Islam, orang yang melampaui batas ke arah ketakwaan, yang lalai ke arah kesedaran, yang jahil terhadap pemgetahuan ilmu Islam yang Suci, yang terpelihara dengan keredaan Ilahi dan mereka yang di dalam kelalaian ke arah kesedaran.

Begitu juga, gerakan ini harus mengutamakan kepercayaan yang betul, akhlak dan perbuatan yang baik dengan cara

dakwah, penulisan, secara fizikal, tegas dan lembut. Tambahan pula, gerakan ini hendaklah menghalang manusia daripada kepercayaan yang palsu, adab yang buruk, perbuatan tidak baik, niat dan fikiran yang jahat dengan lisan dan hati, samada dengan tulisan juga dengan kekerasan'

## Setiap umat Islam adalah pendakwah

Mufti yang mulia رَحْمَةُ اللّٰهِ عَلَيْه juga menyambung, 'Setiap umat Islam adalah pendakwah. Adalah (wajib) untuk mereka semua mengajak orang lain untuk beramal soleh dan menghalang mereka daripada melakukan kejahatan.' Dalam erti kata lain, setiap Muslim haruslah menyampaikan apa yang dia tahu kepada orang Islam yang lain. Memihak kepada kata-kata ini, Mufti Ahmad Yar Khan رَحْمَةُ اللّٰهِ عَلَيْه menyebut hadis berikut bahawasanya Nabi yang dikasihi  telah bersabda:

بَلِّغُوْا عَنِّيْ وَلَوْ اٰيَةً

**'sampaikan daripadaku walaupun satu ayat.'**

*(Sahih Bukhari, vol. 2, m|s. 462, Hadis 3461)*

## Penubuhan Dawate Islami

Saudara-saudara Islam yang dihormati! Dalam setiap era, Allah menghantar seseorang yang memiliki personaliti yang indah

kepada umat Nabi yang tercinta صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَاٰلِهٖ وَسَلَّم, dengan memenuhi seruan tanggungjawab اَمْرٌ بِالْمَعْرُوْفِ وَنَهْيٌ عَنِ الْمُنْكَر, iaitu menyeru umat manusia ke arah kebenaran dan menghalang mereka daripada melakukan kemungkaran. Seorang ulama telah menanamkan pemikiran dalam minda umat Islam, bahawa: 'Saya akan berusaha untuk memperbaiki diri dan masyarakat seluruh dunia.

Salah seorang tokoh besar itu adalah Syeikh Tareqat Amir Ahli Sunnah, ‘Allamah Maulana Abu Bilal Muhammad Ilyas Attar Qadiri Razavi Ziyaee دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَه, yang telah melancarkan kempen Madani ‘Dawate Islami’, sebuah pergerakan Islam yang berpandukan al-Quran dan al-Sunnah, bukan politik propaganda. Beliau memulakan pergerakan ini bersama beberapa sahabatnya di Karachi pada bulan Zul Qaedah al-Haram 1401H (September 1981). Beliau merupakan simbol dan contoh kepada ulama terdahulu dalam meneladani sifat-sifat seperti takut kepada Allah, kecintaan yang mendalam terhadap Nabi yang tercinta صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَاٰلِهٖ وَسَلَّم, semangat dan keazaman untuk mengikuti al-Quran dan al-Sunnah, serta menghidupkan semula sunnah yang telah ditinggalkan. Beliau juga menunjukkan ketakwaan, muhasabah diri, ketabahan, dan kesabaran dalam menyampaikan seruan, sifat syukur, tawaduk, kesederhanaan dalam kehidupan, keikhlasan, zuhud, adab yang baik, sikap tidak mencintai dunia, kebimbangan mengenai penjagaan iman, serta cita-cita untuk menyebarkan ilmu agama Islam dengan meluas. Melalui jemaah Dawate Islami, beliau

telah membawa satu revolusi Madani dalam kehidupan jutaan umat Islam, terutamanya golongan belia. Ramai belia yang telah bertaubat dari dosa maksiat yang dilakukan dan mula mengikut cara hidup yang diberkati berlandaskan sunnah. Mereka yang sebelumnya meninggalkan solat bukan sahaja telah mula mengerjakan solat, bahkan telah maju lebih jauh lagi seperti menjadi imam di masjid. Anak-anak yang derhaka dan kurang ajar telah mula menghormati dan mentaati ibu bapa mereka; mereka yang berada di lembah kegelapan (kufur) telah dikurniakan cahaya Islam. Mereka yang terpesona dengan keindahan negara Eropah telah tersedar dari lamunan dan bertekad untuk hanya memandang kepada keindahan Kaabah yang suci dan kubah hijau Madinah yang mulia. Mereka yang terleka, bimbang, dan berdukacita mengenai perkara keduniaan kini mula serius dan menanamkan pemikiran Madani dengan muhasabah tentang perkara akhirat. Mereka yang gemar membaca novel romantik dan kotor kini mula tertarik dengan kitab-kitab karangan para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah. Mereka juga telah mula bermusafir (berdakwah) bersama-sama Qafilah Madani di jalan Allah. Mereka yang pada mulanya hanya berminat untuk mengumpul harta kekayaan dunia telah mula berazam dengan menanamkan dalam pemikiran matlamat Madani iaitu, "Saya akan berusaha memperbaiki diri dan masyarakat seluruh dunia."

صَلُّوْا عَلَى الْحَبِيْب   صَلَّى اللهُ عَلٰى مُحَمَّد

## Mesej Dawate Islami telah tersebar di 195 buah negara

Dengan rahmat Allah dan berkat Nabi-Nya صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَاٰلِهٖ وَسَلَّم, berkat para sahabatnya, serta pautan rohani dengan para Ahlillah, dan juga dengan sokongan daripada ulama dan masyaikh Ahli Sunnah Wal Jamaah, serta usaha gigih Amir Ahli Sunnah, Mesej Madani yang ditubuhkan di Karachi bukan sahaja telah tersebar ke seluruh pelusuk Pakistan, bahkan pada masa kini, ia telah tersebar ke 195 negara, termasuk India, Bangladesh, Emiriah Arab Bersatu, Sri Lanka, England, Australia, Korea, dan Afrika Selatan. Usaha untuk mengembangkannya lagi sedang giat dijalankan.

Pada masa ini (iaitu pada tahun 1435 Hijrah), Dawate Islami telah berkhidmat di lebih 92 kawasan. Ijtima' Sunnah Mingguan telah diadakan di seluruh dunia di beribu kawasan yang berbeza. Para pendakwah yang tidak terkira banyaknya memiliki semangat yang berkobar-kobar untuk berdakwah bersama-sama Qafilah Madani dengan membawa misi: "Saya akan berusaha memperbaiki diri dan masyarakat seluruh dunia”.

*Allah karam aysā karay tujh pay jahān mayn*

*Ay Dawate Islami tayrī dhūm machī ho*

صَلُّوْا عَلَى الْحَبِيْب    صَلَّى اللّٰهُ عَلٰى مُحَمَّد

## Berdakwah kepada golongan bukan islam

Dengan kesungguhan tersebut, Syeikh Tareqat Amir Ahli Sunnah دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَه telah melatih beribu-ribu muridnya dan menanamkan semangat yang tinggi dalam usaha untuk mengubah diri sendiri ke arah kebaikan serta untuk menyebarkan kebaikan kepada umat manusia di setiap penjuru dunia. Berkat usaha dan kesungguhan tersebut, para pendakwah yang dilatih oleh Amir Ahli Sunnah دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَه telah menginspirasi ramai orang untuk mengamalkan ajaran Islam, sekaligus mengembangkan dakwah ke arah kebenaran. Berjuta-juta umat Islam telah mula mengikuti cara hidup Islam yang sebenar, menjaga solat, mengamalkan sunnah, dan ramai juga yang telah memeluk Islam di pelbagai negara hasil daripada usaha para pendakwah Dawate Islami

## Orang Bukan Islam memeluk Islam

Saudara Islam yang dihormati! Rombongan Pencinta Rasul 'Madani Qafilah' (selama 92 hari) telah sampai di Colombo (Sri Lanka) yang mana mereka datang dari Markaz Madani Antarabangsa Dawate Islami, Faizane Madinah, Babul

Madinah, Karachi (Pakistan). apabila tiba waktunya untuk Madani Qafilah Berdakwah ke daerah lain (selama 30 hari), seorang saudara telah membawa seorang pemuda bukan Islam berjumpa Amir (Ketua) Qafilah. Dengan mencontohi (Sunnah) Akhlak Nabi yang mulia صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَاٰلِهٖ وَسَلَّم, Amir daripada

Qafilah Madani mengajak pemuda itu untuk memeluk Islam. Pemuda itu bertanya beberapa soalan yang ia tidak faham tentang islam dan telah dijawab dengan oleh Amir Qafilah dengan jawapan yang sangat memuaskan. اَلْحَمْدُ لِلّٰه akhirnya pemuda itu memeluk Islam selepas satu setengah jam. *(Faizane Sunnat, Bab: Adab Ta'am, jilid 1, m|s 261)*

Semoga Allah memberkati seluruh Muslimin dan Muslimat juga Saudara-Saudara Baru Islam dengan diberi taufiq oleh Allah!

اٰمِيْن بِجَاهِ النَّبِيِّ الْاَمِيْن صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَاٰلِهٖ وَسَلَّم

## Madani Qafilah

Didalam mengikuti jejek langkah para Solihin terdahulu, Amir Ahli Sunnah دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَه juga berdakwah kejalan Allah pada zaman awal Dawate Islami. Dia telah keluar untuk berdakwah mengajak umat manusia kearah kebaikan dengan menaiki bas juga keretapi ke kawasan pendalaman yang jauh, kawasan yang terpencil, kampung-kampung dan bandar-bandar di mana beliau kadang-kadang menyampaikan dakwah (pesanan adani) lebih dari sekali dalam sehari. Demi untuk mengelakkan diri dari sifat meminta-minta, beliau selalu membawa makanannya sendiri termasuk garam atau air dia keluar dakwah Karachi untuk menyampaikan dakwah (pesanan Madani) atau aktiviti-aktiviti Madani lainnya di kawasan Babul Madinah, beliau selalu



www.dawateislami.net

membawa makanannya sendiri termasuk garam atau air,demi untuk  mengelakkan diri dari sifat meminta-minta.

Pada waktu awal dahulu, Beliau sering pulang ke rumah pada lewat malam dan ia selalu berjalan sejauh 5-6 kilometer kerana pengangkutan awam menurunkannya pada separuh perjalanan kerana Beliau tidak mempunyai duit yang cukup untuk menaiki teksi atau beca tambang. Selain mengajak orang ke arah kebaikan, dia juga menziarahi orang yang sakit, menghadiri pengebumian yang dekat dan jauh dan juga menghiburkan hati muslimin yang sedang dilanda kesedihan, hingga mereka merasa kagum dengan budi bahasa dan akhlak beliau. Dengan rahmat Allah dan dengan usaha yang ikhlas dan gigih dari Amir Ahlli Sunnat دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَه, Dawate Islami telah melancarkan satu gerakan besar Qafilah Madani di peringkat Domestik dan Global. Para Pencinta Rasul dari Qafilah Madani yang tidak terkira banyaknya telah mengembara untuk menyampaikan dakwah (Pesanan Madani) dari negara ke negara, bandar ke bandar untuk 3, 12 & 30 hari dan juga selama 12 dan 26 bulan untuk menyebarkan pengetahuan agama, Sunnah dan ajakan ke arah kebaikan.

## Wajah bercahaya membawa kepada pemelukan Islam

Pada tahun 1425 Hijrah (Januari 2005), Nigran (Ketua Majlis Tertinggi dari Dawate Islami Markaz Majlis Shura) dan beberapa ahli Majlis Berune Mumalik (Majlis bagi negaranegara asing) telah bermusafir bersama Madani Qafilah ke Afrika

Selatan dari Babul Madinah, Karachi [Pakistan]. Qafilah Madani juga pergi melihat sebidang tanah untuk dijadikan Markaz Madani, Faizane Madinah. Saudara islam yang ada di tempat tersebut meraikan kedatangan Qafilah Madani dengan gembira. Orang bukan islam menjadi terpegun apabila melihat wajah Para Ahli Qafilah yang datang. pemilik tapak itu yang bukan beragama Islam datang ke depan Nigran syura dan berkata, 'Tolong jadikan Aku seorang Muslim.'! pada waktu itu juga dia Melafazkan Syahadah dan memeluk Islam. semua umat islam disitu sangat gembira diatas keislaman dan gema laungan takbir' Allah, Allah memenuhi ruang udara. *(Faizane Sunnat, Bab: Adab Ta'am, jild 1, M/s 409)*

**Nota:** Untuk mengetahui lebih lanjut tentang keberkatan Madani Qafilah dan ilmu islam yang lain, dapatkan kitab 'Faizane Sunnat '(jilid 1) atau' Dawate Islami Ki Madani Baharain' yang mana boleh didapati di seluruh cawangan Maktabatul Madinah.

صَلُّوْا عَلَى الْحَبِيْب        صَلَّى اللّٰهُ عَلٰى مُحَمَّد

## Madrasah Madani

Untuk mengajak orang kepada kebenaran dengan berkesan, Pusat Pembelajaran Madani telah ditubuhkan di beberapa buah negara di dunia yang mana saudara Islam dari dekat dan jauh telah datang untuk mempelajari Sunnah bersama Para Pencinta

Rasul dan menyebarkan sunnah yang telah dipelajari di merata tempat. Saudara Islam yang dipertanggung jawabkan setiap masa berkhidmat di pusat ini.ini adalah supaya mereka yang berhajat untuk mendapatkan mutiara ilmu Islam boleh mendapatkannya pada bila-bila masa .

## Pembinaan Masajid

Ia adalah satu keinginan Syeikh Tareqat Amir Ahli Sunnah دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَة untuk memperbanyakkan pembinaan masjid dengan tujuan untuk mengembalikan suasana seperti mana pada zaman dahulu yang mana majoriti umat Islam banyak menghabiskan masa mereka di Masjid untuk beribadah dan berzikir kepada Allah. Banyak Masjid telah didirikan setakat ini. Satu Majlis iaitu yang dinamakan Majlis 'Khuddamul Masajid' telah ditubuhkan untuk memberikan enyelenggaraan atau khidmat dengan berkesan. Majlis ini berterusan didalam pembangunan Masjid di seluruh dunia.

اَلْحَمْدُلِلّٰه! Beberapa Madani Marakiz iaitu Faizane Madinah juga telah dibina di berbagai negara, dan banyak lagi sedang didalam pembinaan dengan persetujuan Majlis Markaz Shura Dawate Islami.

*Sunnat kī bahār āyī Faizān-e-Madīnah mayn*

*Raḥmat kī ghaṭā chāyī Faizān-e-Madīnah mayn*

*Mata air Sunnah telah tiba di Faizane Madinah*

*Awan Rahmat mengelilingi Faizane Madinah*

Perbelanjaan untuk pembangunan Dawate Islami Madani Marakiz, Jāmiatul Madinah, Madarisul Madinah dan untuk kegiatan Madani lain diperolehi melalui sumbangan yang diterima daripada orang Islam. Walau bagaimanapun, tidak semua orang dibenarkan untuk meminta sumbangan untuk Dawat-e-Islami kerana mereka mestilah mendapatkan Kelulusan dari Markaz Majlis Shura Dawate Islami.

## Imam Masjid

Banyak Masjid di zaman ini yang mana pihak pengurusan tidak mampu untuk membayar gaji para Imam, Muazzin dan Siak.maka dengan niat untuk membantu kepada Ahli Masjid, Dawate Islami telah menyediakan bantuan kewangan kepada mereka (didalam bentuk gaji).

## Saudara Istimewa

Dengan rahmat Allah dan usaha Amir Ahli Sunnah, ramai saudara Islam yang pekak, bisu dan buta telah dididik mengenai ajaran Islam. Biasanya Masyarakat menganggap mereka seperti golongan yang tidak penting dalam masyarakat dan sebahagian daripada mereka langsung tidak mempunyai pengetahuan mengenai agama.

اَلْحَمْدُ لِلّٰه! Majlis untuk saudara Islam yang istimewa telah ditubuhkan bagi menyebarkan Sunnah kepada mereka. Sesi pembelajaran yang berasingan telah diadakan di berbagai kota

di Pakistan selama seminggu sewaktu Ijtima Mingguan dan juga pada malam hari di bulan Ramadhan. Semasa program ini dijalankan, Naat, Tausiah, Zikir dan Doa semuanya dilakukan di dalam bahasa isyarat.pada masa yang sama, kursus Qufle Madinah selama 30 hari juga berlangsung di mana para pendakwah mempelajari bahasa isyarat supaya mereka boleh menyebarkan dakwah kepada saudara istimewa.pada masa yang sama, Qafilah Madani khusus untuk saudara istimewa juga turut berlangsung.

## Non Muslim memeluk Islam

Pada tahun 2007, satu rombongan 'Madani Qafilah' (orang yang cacat penglihatan) keluar Dakwah dengan menaiki bas ke sebuah Masjid di Babul Madinah, Karachi. Beberapa 'saudara Islam' juga menyertai Qafilah. dengan niat untuk mengikuti Sunnah Rasullullah, Amir (ketua) Qafilah telah memulakan perbualan dengan orang yang duduk di sebelahnya. Orang itu berkata, 'Saya bukan beragama Islam, tetapi saya telah mempelajari tentang Islam dan saya terkesan dengannya, tetapi karektur orang yang melakukan kejahatan dari umat Islam sendiri pada hari ini telah menjadi penghalang untuk saya untuk memluk Agama Islam. tetapi saya hairan bila melihat kamu semua memakai pakaian putih dan memberi salam sesamamu apabila hendak menaiki bas. Yang lebih mengherankan lagi orang yang cacat penglihatan bersama kamu turut memakai serban berwarna hijau dan pakaian putih

bahkan memelihara janggut.' Mendengar kata-kata non muslim itu, Amir Qafilah telah memberikan pengenalan ringkas kepadanya tentang Suasana Persekitaran Madani (Madani Mahol) Dawate slami, juga Pengenalan tentang 'Majlis untuk saudara Khas'. Dia juga telah dimaklumkan tentang Sumbangan besar untuk Agama berkat usaha Amir Ahle Sunnat دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَه. Beliau juga diberitahu bahawa para saudara Islam (yang cacat penglihatan) bermusafir bersama Madani Qafilah untuk berdakwah kepada orang yang fasik (yakni orang yang selalu membuat maksiat yang mana mereka jugasalah satu penyebab yang menjadi penghalang bagi non muslim untuk memeluk Islam). Maka dengan perasaan Kagum dia memeluk Islam dengan mengucapkan Kalimah Syahadah.

**Nota:** Untuk mengetahui lebih lanjut kisah-kisah orang buta, pekak dan bisu Madani, dapatkan buku yang bertajuk 'Gunga muballigh' yang diterbitkan oleh Maktabatul Madinah.

## Dakwah di Penjara

Selalunya, mereka yang lemah pengetahuan mengenai al-Quran & Sunnah mudah diperdaya oleh Nafsu dan syaitan dengan mendorong mereka kepada untuk melakukan kejahatan seperti membunuh,mencuri merompak, zina, dadah, perdagangan manusia, perjudian dan banyak lagi yang akhirnya berakhir di dalam penjara.

اَلْحَمْدُ لِلّٰه! Satu Majlis telah ditubuhkan iaitu 'Majlis Faizane Quran' yang mana tujuan penubuhan majlis ini adalah untuk mengubah para banduan. Kesan dari aktiviti Madani yang dilaksanakan di dalam penjara, sebilangan besar dari perompak dan penjenayah telah menginsafi diri mereka dan bertaubat. Bahkan bekas-bekas banduan ini juga turut sama mengembara untuk berdakwah bersama dengan Qafilah Madani selepas dibebaskan dari penjara dan menjalani kehidupan mereka berdasarkan sunnah. Ramai banduan yang dahulu tidak ragu-ragu untuk menembak orang kini telah jatuh cinta dengan mutiara Sunnah yang indah. Sebilangan Banduan non Muslim telah yang memeluk Islam hasil daripada usaha para pendakwah Dawate Islami. Syeikh Tareqat, Amir Ahli-Sunnah, ‘Allamah Maulana Abu Bilal Muhammad Ilyas Attar Qadiri Razavi Ziyaee دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَة telah mengatakan: اَلْحَمْدُ لِلّٰه! Aktiviti Madani Dawate Islami sedang dijalankan di dalam penjara. Selain aktiviti-aktiviti dakwah yang lain, pengajian bacaan Quran dengan betul juga diajarkan kepada banduan. Tambahan pula, ‘Kursus syar‘ie juga dilaksanakan untuk pengajaran hukum syar'i. Ramai orang-orang yang tidak mahu berubah terhadap perbuatan jenayah mereka walaupun sedang dihukum oleh pihak polis telah insaf hasil berkat persekitaran Madani di Dawate Islami, اَلْحَمْدُ لِلّٰه

Di sini dituliskan kisah berkaitan oleh seorang wanita Islam dari pejabat pos daerah Kasur Khuddian, kota kelahiran seorang wali yang terkenal, Baba Bulleh Shah رَحْمَةُ اللّٰهِ عَلَيْه: ‘Sejak lapan

tahun saya menjadi janda, Saya hanya mempunyai seorang anak lelaki yang suka bergaduh dan menjual dadah yang mana bergabung dengan pertubuhan kongsi gelap. Saya cuba menghalangnya dari perbuatan terkutuk itu tetapi sia-sia. Malah dia sanggup memukul dan memaki saya. Dia pernah ditangkap beberapa kali oleh pihak polis tetapi saya berjaya membebaskannya. Dia pernah didakwa dengan pelbagai jenayah. Sehingga, akhirnya ia dijatuhi hukuman penjara. Hampir lapan bulan kemudian, apabila dia pulang ke rumah selepas dibebaskan atas jaminan, saya terkejut melihat anak saya yang pernah memukul dan memaki saya sekarang pulang dengan tangisan minta ampun kepada saya, hinggakan dia baring di kaki saya.

Tidak lama kemudian azan solat Maghrib berkumandang di udara dan dia pergi ke Masjid untuk solat berjemaah. Seorang yang masa mudanya dihabiskan dengan menyumpah orang lain telah berubah menjadi seorang yang tenang air mukanya dengan wajah yang bercahaya kini selalu melafazkan kalimah, juga Berselawat keatas Nabi. سُبْحٰنَ الله, اَلْحَمْدُ لِلّٰه, مَا شَآءَ الله, اِنْ شَآءَ الله Selepas solat isyak secara berjemaah di masjid ia kembali ke rumah untuk berehat. Saya pun berehat.

Apabila saya bangun kira-kira jam 2 pagi, saya tidak menemukannya di tempat tidur. Bimbang, saya mengesyaki bahawa beliau pergi melakukan jenayah lagi seperti sebelummya tetapi alangkah terkejutnya saya apabila

melihatnya sedang menunaikan Solat Tahajjud dengan rendah hati dan khusyuk di sisi rumah. Selesai Solat, dia berdoa kepada Allah dengan membaca syair berikut:

*Gunāĥaun say mujĥ ko bachā yā Ilāĥī*

*Burī khaṣlatayn bĥī cĥuřā yā Ilāĥī*

*Khaṭāon ko mayrī mitā yā Ilāĥī*

*Mujĥay nayk khaṣlat banā yā Ilāĥī*

*Tujĥay wāsiṭaĥ sāray Nabiyaun kā Maulā*

*Mayrī bakhsh day ĥer khaṭā yā Ilāĥī*

*Selamatkan aku dari dosa, wahai Yang Maha Esa!*

*Bebaskanlah aku dari sifat yang buruk, Wahai Yang Maha Esa!*

*Hapuskanlah dosaku , wahai Yang Maha Esa!*

*Jadikanlah aku hamba yang soleh, wahai Yang Maha Esa!*

*Dengan Berkat para Nabi, wahai Yang Maha Esa!*

*Ampunilah segala dosaku, wahai Yang Maha Esa!*

Melihat anakku didalam tangisan, saya juga menangis dan memeluknya. Kami berdua sama-sama menangis. Setelah itu, saya bertanya kepadanya apakah yang menyebabkan dia berubah dengan ketara. Beliau menceritakan yang dia beruntung kerana dapat mengenali persekitaran Madani Dawate Islami di penjara di mana Para Pendakwah dari Dawate

Islami telah mengajarkannya cara-cara mengambil wudhu, Solat, Sunnah, doa dan cara membaca Al-Quran dengan betul. Dia bertaubat diatas segala dosanya berkat usaha individu yang dijalankan oleh para pencinta Rasul.

Saya sangat gembira apabila mendengarnya. Dan saya amat berterima kasih kepada Pendakwah Dawate Islami yang telah menjadi sebab anak saya yang sebelumnya derhaka, penjenayah dan menjual dadah telah menyesal dan bertaubat dan meninggalkan semua perbuatan yang jahat. Ia adalah sumbangan dan bantuan yang besar dari Dawae Islami kepada saya, seorang ibu yang tidak berdaya. Semoga kesemua anak-anak dipenjara diberkati dengan persekitaran Madani di Dawate Islami supaya mereka meninggalkan kejahatan dan membuka lembaran baru dengan mengamalkan Sunnah.

**Nota:** untuk mengetahui lebih lanjut mengenai dakwah di penjara, dapatkan buku kecil yang bertajuk 'Perkhidmatan Dawate Islami di Penjara' di setiap cawangan Maktabatul Madinah.

صَلُّوْا عَلَى الْحَبِيْب　　صَلَّى اللهُ عَلٰى مُحَمَّد

## Jemaah I'tikaf

Dua atau tiga tahun sebelum gerakan Dawate Islami ditubuhkan, Amir Ahli Sunnah دامت بركاتهم العالية lazim beri'tikaf seorang diri pada bulan Ramadhan di Masjid Nurpasar kertas,

Mithadar Babul Madinah Karachi (di mana beliau juga pada ketika itu menjadi Imam Masjid). Tahun berikutnya, berkat niat dakwahnya yang ikhlas, dua saudara muslim turut beri'tikaf bersamanya. Hasil daripada usaha gigih dan sikap yang baik dari Amir Ahli Sunnah دامت برکاتہم العالیہ, bilangan Mu'takifīn (para jemaah yang turut sama beri'tikaf ersamanya) meningkat setiap tahun sehingga ia mencapai 28 orang.

اَلْحَمْدُ لِلّٰه! Pada tahun yang sama, Dawate Islami telah mula menyinar, dimana I'tikaf berjemaah bersama 60 Mu'takifīn juga bersama sahabatnya yang dipercayai Amir Ahli Sunnah دامت برکاتہم العالیہ diadakan di bawah pengawasan Dawate Islami di Markaz Madani pertamanya, yang bertempat di Masjid Gulzare Habib (Gulistan Okarvi, Babul Madinah Karachi).

Trend I'tikaf berjemaah kini telah jauh berkembang di dalam dan di luar Pakistan. Pada bulan Ramadhan yang suci, I'tikaf berjemaah selama 30 hari dan sepuluh hari terakhir dilakukan tidak terhitung banyaknya di Masjid serata dunia. Beribu saudara muslim menghadiri I'tikaf ini di mana mereka belajar tentang ilmu agama dan sunnah, di samping melakukan ibadah sunat. Selanjutnya, banyak Mu'takifīn bermusafir bersama Madani Qafilah di malam Aidul Fitri. Para muslimah yang tak terhitung jumlahnya juga melakukan I'tikaf di rumah-Masjid (iaitu Masjid Bayt) di rumah mereka di mana ramai muslimah yang lain juga belajar sunnah di dalam kumpulan ini bersama saudara muslimah yang lain.



www.dawateislami.net

**Nota:** Untuk mengetahui lebih lanjut peristiwa Madani dari I'tikaf berjemaah, bolehlah membacanya pada kitab yang berjudul Faizane Sunnat (Jilid 1) pada bab yang bertajuk ‘Berkat Ramadhan’ dan risalah kecil ‘Dawate Islami Ki Baharayn’ di mana-mana cawangan Maktabatul Madinah.

## Perubahan Madani di kalangan putri Islam

اَلْحَمْدُ لِلّٰه! Jutaan putri Islam juga telah banyak menerima mesej Madani melalui Dawate Islami. Ramai perempuan yang telah mengikuti fesyen ala barat dan dibesarkan didalam masyarakat yang tidak bermoral telah bertaubat, bahkan telah menjadi muslimah yang menjadikan Ummahatul Mukminin رَضِیَ اللّٰہُ عَنْهُنَّ dan dari putri Nabi, Sayidatuna Fatimah رَضِیَ اللّٰہُ عَنْهَا sebagai ikutan. Mereka yang dahulu kerap mengunjungi pusat beli-belah, pusat iburan, kelab malam dan pawagam, telah mula menutup aurat dan memakai purdah yang mana ia merupakan bahagian yang tidak boleh dipisahkan dari pakaian mereka dengan niat untuk mengikuti jejak langkah para wanita yang dikagumi Nabi. اَلْحَمْدُ لِلّٰه, Sejumlah besar Ijtima mingguan turut diadakan untuk putri Islam di pelbagai tempat seluruh dunia.

اَلْحَمْدُ لِلّٰه! Beberapa Madrasatul Madinah [untuk muslimat] telah ditubuhkan di mana para muslimat boleh menghafaz dan membaca Al-Quran secara tajwid yang betul tanpa sebarang yuran. Begitu juga, beberapa Jamiatul Madinah juga telah ditubuhkan di mana tujuan penubuhannya adalah untuk

melahirkan ‘Alimah. اَلْحَمْدُ لِلّٰه, bilangan Hafizah dan ‘Alimah semakin meningkat hari demi hari melalui Dawate Islami. ‘Alimah juga tidak kurang bandingannya dengan Alim madni (lelaki) di dalam khidmat kepada Sunnah.

## Sekilas aktiviti Madani bulanan muslimat.

Di sini adalah contoh senarai ringkas mengenai aktiviti madani yang dilakukan oleh para muslimat di Pakistan pada bulan Jamadil Akhir 1435 Hijrah (April 2014). Senarai ini disediakan oleh ‘Majlis Muslimat Dawate Islami’ di Pakistan.

1. lebih kurang 52.805 muslimat menghadiri pengajian di rumah (yang menjadi tempat untuk para muslimat menimba ilmu).
2. Kira-kira 3584 Madrasatul Madinah untuk muslimat dewasa diadakan setiap hari di seluruh Pakistan di mana 34904 saudara muslimat telah mengambil bahagian, memperoleh ilmu dari Al-Quran & Sunnah juga Doa.
3. Hampir 4801 Ḥalaqah atau ‘Alaqah Ijtima’ mingguan diadakan di mana 218.976 muslimat telah mengambil bahagian.
4. Hampir 932 sesi pembelajaran mingguan telah diadakan.

*Mayrī jis qadar ĥayn beĥnayn, sabĥī Madanī Burqa’ peĥnayn;*

*Ĥo karam Śĥah-e-Zamānaĥ, Madanī Madīnay wālay*

*Walaupun seseorang itu sejahat mana pun, pakailah burqa, wahai Madani*

*Inilah kebaikan dari Pemimpin Zaman, wahai penduduk Madinah*

صَلُّوْا عَلَى الْحَبِيْب　　　صَلَّى اللّٰهُ عَلٰى مُحَمَّد

## Lihat bagaimana persekitaran Madani membangkitkan Rohani!

Disini dituliskan sebuah cerita ringkas tentang seorang muslimah dari Babul Madinah Karachi. Dia mengatakan: walaupun aku pernah menghafal Al-Quran atas suruhan orang tua, aku langsung tidak mengulangi hafalanku dan aku juga selalu meninggalkan Solat hingga Ibu-bapaku menjadi bimbang dengan cara hidupku. Aku suka kepada fesyen baru barat dan muzik. Lebih teruk lagi aku suka menonton drama tv. Aku juga peminat tegar seorang penyanyi dan kawanku selalu berkata dengan niat bergurau yang aku akan mengingati artis itu walaupun waktu jika nazak tiba. Jika aku terlepas dari satu episod drama dari penyanyi itu, aku akan menangis bahkan sanggup tidak makan. aku menjalani cara hidup yang penuh kelalaian dan dosa.

Salah seorang dari ibu saudaraku yang selalu menghadiri ijtima Sunnah Dawate Islami sering mengajakku untuk menghadiri Ijtima tetapi aku selalu saja memberi alasan supaya tidak

mengikutinya. Dia tidak kecewa malah selalu mengajakku ke Ijtima'. Akhirnya dengan berkat kesabarannya, aku telah menghadiri satu Ijtima Mingguan dimana tausiah, zikrullah dan doa munajat diadakan yang mana semua itu meninggalkan kesan yang dalam kepada hidupku. Seorang muslimah dari Halqah Nigran sangat mesra kepadaku dan selalu datang ke rumahku untuk membawaku ke majlis ijtima'.

Berkat Usaha olehnya telah memberi azam yang baru kepada diriku untuk menyertai persekitaran Madani Dawate Islami, yang juga menjadi asbab kepadaku untuk bertaubat kepada Allah dari melihat filem,mendengar lagu dan segala dosa yang lain. Aku menjadi gementar dan takut kepada Allah  apabila mendengar kaset ceramah dari Ijtima Sunnah dan ia membuatkanku sedar tentang apa yang akan terjadi padaku jika bertemu dengan kematian diwaktu menjalani kehidupan yang penuh melalaikan. Selain itu, risalah kecil dan kitab terbitan Maktabatul Madinah telah memberi inspirasi kepadaku rasa tanggungjawab juga mengambil bahagian didalam menyebarkan dakwah kepada kebenaran kepada saudari muslimat yang lain. Aku akan cuba memenuhi setiap tanggung-jawab yang diberikan oleh saudari muslimat yang telah lama istiqamah didalam berdakwah. اَلْحَمْدُ لِلّٰه! Hingga kini aku masih berkhidmat bersama aktiviti Madani yang disusun oleh Majlis Dawate Islami dan kini aku telah memikul tanggung jawab untuk 'Alaqah Mushawarah. اَلْحَمْدُ لِلّٰه! Dalam persekitaran Madani, Mufti Dawate Islami Al-Hafiz Muhammad Faruq

'Attari Al-Madani رَحْمَةُ اللّٰهِ عَلَيْه membaca al-Quran sehingga khatam pada setiap hari bersama tujuh orang muridnya. Mengikuti jejak beliau, aku juga kini membaca satu Manzil dari al-Quran setiap hari.

Semoga Allah memberkati hidupku dengan diberi ketabahan!

اٰمِيْن بِجَاهِ النَّبِيِّ الْاَمِيْن صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَاٰلِهٖ وَسَلَّم

*Istiqāmat Dīn per Yā Mustafa ker do 'aṭā*

*Bahre Khabbāb o Bilāl o Āle Yāsir Yā Nabī*

*Berkatilah aku dengan ketabahan di dalam agama, Ya Nabi*

*Demi Khabbab, Bilal dan Ale Yasir Ya Nabi*

صَلُّوْا عَلَى الْحَبِيْب صَلَّى اللهُ عَلٰى مُحَمَّد

## Risalah Amal Soleh

Dalam era yang penuh dosa ini, Syeikh Tareqat, Amir Ahli Sunnah دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَه telah mengilhamkan sebuah cara untuk melakukan amalan yang baik dalam bentuk soal selidik iaitu 'Risalah Amal Soleh', yaitu satu buku kecil yang dapat membantu untuk istiqamah dalam beribadah secara menyeluruh baik dari segi syariat maupun tarekat. Terdapat 72 soalan Risalah Amal Soleh untuk lelaki Muslimin, 63 untuk Muslimat, 92 untuk pelajar lelaki, 83 untuk pelajar perempuan,

40 untuk kanak-kanak Madani dan 27 soalan untuk saudara Muslim khusus (yaitu buta, bisu dan pekak).

Ramai muslimin, muslimat dan pelajar telah mengamalkan Risalah Amal Soleh dengan menjawab soalan dari buku bersaiz poket secara harian semasa melakukan Fikre Madinah (muhasabah diri). Dengan rahmat Allah, rintangan untuk membuat ketaatan dapat dijauhkan berkat Risalah Amal Soleh. اَلْحَمْدُ لِلّٰه! Dengan berkat Risalah Amal Soleh, masyarakat akan sentiasa menjadikan pemikirannya hanya untuk mengamalkan sunnah, mencegah dari melakukan dosa sifat untuk melindungi iman. Didalam usaha untuk menjadi seorang Muslim yang taat, disarankan untuk membeli Risalah kecil Amal Soleh di cawangan Maktabatul Madinah dan menjawabnya pada tiap hari semasa melakukan Fikre Madinah (muhasabah diri). Seseorang perlu membiasakan diri untuk memberikan risalah kecil itu untuk diperiksa oleh orang yang bertanggung jawab bagi Risalah Amal Soleh pada sepuluh hari pertama bulan qamariah.

## Khabar gembira bagi yang mengamalkan Risalah Amal Soleh

Suatu khabar gembira buat mereka yang mengamalkan Risalah Amal Soleh wahai Muslimin-Muslimat yang dikasihi! Betapa beruntungnya mereka yang beramal dengan Risalah Amal Soleh! Dengarkanlah sebuah kisah Madani ini: seorang pemuda

islam dari Hyderabad (Babul Islam, Sindh) telah menceritakan bahawasanya: pada suatu malam di bulan Rajab Al-Murajjab, aku telah dikurniakan oleh Allah suatu rezeki yang amat besar yaitu melihat Kekasihku صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَاٰلِهٖ وَسَلَّم di dalam mimpi. Bibir yang Mulia mula bergerak dengan mengeluarkan kata-kata mutiara yaitu: 'Sesiapa yang melakukan Fikre Madinah (muhasabah diri) setiap hari di bulan ini dengan mengamalkan Risalah Amal Soleh akan diampunkan dosanya oleh Allah. *(Faizane Sunnat, Bab Faizane Ramadan, vol. 1, ms. 1135)*

*Madanī In'āmāt kī bhiī marḥabā kyā bāt hay*

*Qurbe Ḥaq kay ṭālibaun kay wāsiṭay sawghāt hay*

*Alangkah berkatnya Risalah Amal Soleh, Marhaba!*

*Hadiah yang menarik kepada Umat untuk mendekatkan diri pada Allah*

صَلُّوْا عَلَى الْحَبِيْب　　صَلَّى اللّٰهُ عَلٰى مُحَمَّد

## Madani Muzakarah

Bersama dengan Amir Ahli Sunnah دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَه merupakan satu keistimewaan yang besar. Ramai Muslimin mengambil peluang untuk bersama Beliau dengan menghadiri 'Madani Muzakarah' di mana mereka boleh bertanya terus tentang Iman dan Amal, Syari'ah, Tariqah, Sejarah, biografi, sains, perubatan,

moral, kerohanian, Islam, maklumat ekonomi, social, tentang oraganisasi Dawate Islami dan banyak lagi topik lain.

Syeikh Tareqat, Amir Ahli Sunnah دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَه menjawab soalan yang diberi dengan bijaksana mengikut sunnah Nabi kesayangannya. Beliau juga selalu mengajak para hadirin berselawat bersamanya dengan seruan 'صَلُّوْا عَلَى الْحَبِيْب'

## Rawatan Rohani dan Solat Istikharah

اَلْحَمْدُ لِلّٰه! Suatu Majlis (Jabatan) Dawate slami yang dinamakan 'Majlis Maktubat dan Ta'wizat Attariyyah kini sibuk didalam memberi rawatan rohani percuma kepada Umat Islam yang bermasalah dalam bentuk Ta'wizat yang diizin oleh Syeikh Tareqat, Amir Ahli Sunnah, 'Allamah Maulana Muhammad Ilyas Attar Qadiri دَامَتْ بَرَكَاتُهُمُ الْعَالِيَه. Di samping itu solat Istikharah juga dilakukan setiap hari, demi untuk memberi manfaat kepada beribu orang Islam.

اَلْحَمْدُ لِلّٰه! Majlis pada waktu ini telah menyerahkan berjuta Ta'wizat kepada umat Islam. Selain itu, menurut anggaran yang dibuat pada 17-04-2014, lebih kurang 680 dan 180 pusat ta'wizat (untuk muslimin) di dalam dan diluar Pakistan. Dan hampir 250,000 pesakit beroleh manfaat dari Majlis ini. Juga hampir 70,000 Maktubat 'Attariyyah (termasuk dihantar melalui pos atau melalui internet) dihantar lebih kurang setiap bulan. Begitu juga, setiap tahun lebih daripada 6 Juta Ta'wizat Attariyyah dan Wazaif telah diberi.

Dengan berkat pusat Ta'wizat 'Attariyyah, yakni hampir setiap bulan lebih daripada seratus Qafilah Madani (untuk tiga hari) perjalanan dan hampir sepuluh hingga sebelas ribu saudara Islam datang ke persekitaran Madani juga menghadiri Ijtima Mingguan. dan pada setiap bulan lebih daripada 26,000 orang yang telah berbaiat kepada Tariqah 'Qadiriyyah Razawiyyah Attariyyah 'Aliyyah setiap bulan. Terdapat beberapa insiden Madani daripada Ta'wizat Attariyyah.

## Barah Otak

Seorang saudara Islam dari Sukkur (Babul Islam, Sindh) telah menceritakan bahawasanya: Ada seorang lelaki dari kawasan kami mempunyai penyakit barah otak dan telah menjalani dua kali pembedahan. Dia berada di suatu keadaan yang sengsara dan menyedihkan sehingga membuat doktor menjadi putus asa. Pada waktu itu, seorang telah mencadangkan kepada keluarga pesakit itu agar mereka mendapatkan Ta'wizat Attariyyah tetapi ahli keluarga pesakit itu mengendahkannya kerana kesedihan.

Maka pada suatu hari disebabkan bimbang dan sedih, adik pemuda itu datang ke pusat Ta'wizat attariyyah dan berkata dgn suara sedih, 'Abangku sekarang didalam keadaan yang amat kritikal seolah-olah malam ini adalah malam terakhir untuknya. dia tidak lagi mengenali sesiapa dan menghadapi kesukaran untuk bernafas yang teruk. Berilah aku apa-apa Ta'wiz untuknya. sambil menenangkannya pemuda itu, saudara Islam

majlis berkata: 'Jangan kecewa Allah Maha Penyembuh. Ambilah Ta'wīżāt ini; ramai pesakit yang menghidap penyakit yang mana doctor sendiri mengatakan tidak boleh diubati lagi telah disembuhkan dengan berkat Tawizat ini.

Pada hari berikutnya, adik pesakit itu datang ke pusat ta'wiz dengan yang wajah gembira sambil berkata, 'Apabila aku sampai kerumah, aku ikatkan Ta'wiz yang diberi ke leher abangku (yang keadaannya amat kritikal), tiba-tiba ia membuka matanya dalam beberapa minit, yang membuatkan semua ahli keluarga menjadi hairan. ia kemudian memberi isyarat kepada ahli keluarga untuk membantu dia duduk. اَلْحَمْدُ لِلّٰه! Ia juga sudah mula makan. Dua hari kemudian, saudara Islam yang mengalami penyakit itu sendiri datang ke Pusat Ta'wizat Attariyyah (dengan berjalan kaki) untuk bertemu saudara-saudara Islam yang bertanggungjawab di pusat dan memberitahu kepada mereka bahawa keadaannya telah bertambah baik hingga 75 peratus, اَلْحَمْدُ لِلّٰه

صَلُّوْا عَلَى الْحَبِيْب صَلَّى اللهُ عَلٰى مُحَمَّد

**Nota:** Untuk mengetahui lebih lanjut tentang rawatan rohani, dapatkan buku kecil 'Khaufnak Bala', 'Pur Israr Kutta', 'Sīngaun Wali Dulhan' dan 'Khush Nasib Marid'

## Jabatan Haji & Umrah

Latihan untuk Para Jemaah Haji Pada musim Haji, Ulama dari

Dawate Islami telah menyediakan suatu latihan kepada Jemaah yang mahu menunaikan Haji di bawah pengawasan Majlis Haji & Umrah (Dawate Islami). Kitab 'Rafiqul Haramayn dan 'Rafiqul Mu'tamirin' diajar dan diedarkan kepada jemaah secara percuma untuk bimbingan mengenai Haji dan ziarah ke Madinah Al-Munawwarah زَادَهَا اللّٰهُ شَرَفًا وَّتَعْظِيْمًا.

## Institusi Pendidikan Islam

